



Kadar positifiti 24 kluster COVID-19 dikesan 80 peratus

Oleh [Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib](#) - Jun 21, 2021 @ 3:32pm
bhnews@bh.com.my



PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 24 kluster jangkitan COVID-19 di negara ini yang menunjukkan kadar positifiti melebihi 80 peratus.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata sebagai contoh Kluster Alam Jaya Dua yang dikesan di Selangor yang menunjukkan sejumlah 119 individu daripada 141 individu yang disaring, didapati positif COVID-19.

"Ia menunjukkan apabila kita melaksanakan ujian, terdapat kes dengan kadar positifiti tinggi di kawasan tertentu. Kita juga mendaftarkan kes daripada lokasi kluster yang mempunyai kadar positifiti tinggi.

"Ini yang kita gunakan untuk surveilan genom dan mengesan varian baharu," katanya pada sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

Bagaimanapun, Dr Adham tidak memaklumkan nama kluster lain yang dikesan menunjukkan kadar positifiti melebihi 80 peratus.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 5m [Itali tak wajibkan pelitup muka bermula 28 Jun](#)
- 6m [EURO: Slovakia pertaruh Dubravka jaga gawang](#)
- 20m [Juri FFM31 nilai 90 filem](#)
- 20m [Pilih calon guru berkualiti didik generasi baharu negara](#)
- 20m [Pelan Pemulihan Negara suntik pengukuhan ekonomi](#)
- 22m [MAQIS tahan makanan tambahan haiwan dari Korea Selatan](#)
- 31m [Bursa Malaysia dibuka tinggi](#)
- 36m [Pinda Akta DBP 1959 untuk daulatkan bahasa Melayu](#)

Pada masa sama, beliau berkata, tiada kluster berpunca daripada aktiviti agama dikesan pada Minggu Epid ke-24 berbanding sebelumnya.

Beliau berkata, sehingga 19 Jun lalu, sebanyak 2,604 kluster dikesan di negara ini dengan 824 masih aktif.

Katanya, sepanjang Minggu Epid ke-24, sebanyak 79 kluster ditamatkan, iaitu penurunan sebanyak enam peratus berbanding minggu epid sebelumnya.

Dr Adham berkata, sebanyak 142 kluster baharu direkodkan pada Minggu Epid ke-24, berkurang 7.8 peratus berbanding minggu epid sebelumnya.

"Sebanyak 96 kluster atau 67.6 peratus adalah kluster tempat kerja, 31 (21.9 peratus) kluster komuniti, lapan (5.6 peratus) kluster kumpulan berisiko tinggi, lima (3.5 peratus) kluster pusat tahana dan dua (1.4 peratus) kluster institusi pendidikan," katanya.

Selain itu, Dr Adham berkata, Minggu Epid ke-24 mencatatkan pengurangan sebanyak 6.5 peratus atau 38,911 kes berbanding minggu epid sebelumnya.

Katanya, KKM juga merekodkan 68,462 kes purata mingguan, pengurangan sebanyak 16 peratus berbanding minggu epid sebelumnya.

"Kadar kematian membabitkan kes COVID-19 juga menunjukkan pengurangan sebanyak 8.9 peratus berbanding minggu epid sebelumnya iaitu sebanyak 504 kes kematian dilaporkan sepanjang Minggu Epid ke-24.

"Sebanyak 910 kes purata dicatatkan pada Minggu Epid ke-24 iaitu peningkatan sebanyak 0.6 peratus namun purata kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan berkurangan sebanyak 0.9 peratus (450 kes) sepanjang tempoh sama.

"Sejumlah 561,156 ujian pengesanan COVID-19 juga dilaksanakan sepanjang tempoh sama, iaitu peningkatan sebanyak 10.9 peratus berbanding minggu epid sebelumnya, manakala kadar positivi ujian meningkat 0.3 peratus kepada 6.9 peratus," katanya.



VAKSIN



AMERIKA 3 jam yang lepas

Longgar sekatan perjalanan warga Kanada selesai divaksin



NASIONAL 11 jam yang lepas

Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:43pm

PPV Stadium Bukit Jalil beroperasi penuh seminggu lagi



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:22pm

Vaksin CanSino satu dos guna untuk golongan pelarian



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 3:33pm

Tindakan EU, AS bolot vaksin jejas usaha Malaysia percepat imunisasi



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 2:40pm

3.2 juta penduduk dapat vaksin penuh Julai ini

TRENDING



BOLA 2 jam yang lepas

EURO: Hamann sifatkan Ronaldo 'bodoh' tunjuk kemahiran




BOLA 3 jam yang lepas

Ronaldo, Messi bergabung di Barcelona?



BOLA 4 jam yang lepas

EURO: Penonton ceroboh padang, iklan wang kripto



BOLA Jun 21, 2021 @ 8:16pm

Nike bayar Ronaldo RM845 juta



Gambar hiasan



SELEBRITI Jun 21, 2021 @ 6:09pm

Rita nak bersara, hantar anak sekolah tahfiz

MYRESIPI



TIPS & PETUA Jun 21, 2021 @ 2:16pm

Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!



RESEPI Jun 21, 2021 @ 2:15pm

Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam



TIPS & PETUA Jun 18, 2021 @ 3:12pm

Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini



RESEPI Jun 18, 2021 @ 3:10pm

Hanya Guna Puff Pastri, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!



TIPS & PETUA Jun 17, 2021 @ 3:16pm

Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng

Disyorkan untuk anda

Recommended by



Southeast Asia looks to Israeli tech to improve...

Nikkei Asia



Cristiano Ronaldo Sells Manchester House: This Is A...

Mansion Global



Discover How People In Malaysia Are...

Top Gadget Advisor



Your IQ Is 142 If You Get 15/20 On This General...

TooCool2BeTrue

How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%

Electricity Saver

Discover Luxury Retirement Homes Near Sh...

Senior Living | Search ...

Shah Alam: Get Unsold cars from 2019 For A...

New Cars | Search Ads

9 Out of 10 Fail This Geography Quiz, Will You?

Parentsdome Galleries



IKUTI KAMI DI:



BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK